

02 AUG 2000

SHEIKH HASINA TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina tiba di pulau peranginan Langkawi di sini untuk lawatan rasmi selama dua hari.

Ketibaan beliau di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini disambut oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan para pegawai kanan lain.

Kerajaan Negeri akan meraikan Perdana Menteri itu pada jamuan tengah hari di sini dan kemudiannya beliau akan melawat beberapa tempat menarik termasuk Galeri Perdana di Kilim yang menyimpan hadiah dan cendermata yang diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sheikh Hasina juga dijadual melawat bilik pameran Langkawi Crystal, sebuah syarikat pengeksport barangan cendermata yang diperbuat daripada kristil.

Beliau juga akan melawat Makam Mahsuri, tanah perkuburan Mahsuri yang dituduh berzina dan dihukum mati oleh ketua kampung pada tahun 1800 an.

Esok, Sheikh Hasina akan menghadiri taklimat oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) sebelum berlepas pulang.

-- BERNAMA

NH LAT